

AWAS! Penipuan Kewangan Melibatkan Pelaburan Emas



di dalam
RINGGIT
bulan ini



- **Pembelian Hartanah Mengikut Kemampuan Anda**
- **Insurans Perjalanan**
- **Capai Kejayaan Kewangan Dengan Formula S.E.B.E.L.A.S**
- **Kekeliruan Mengenai Perlindungan Insurans Perubatan**
- **Cara Melindungi Diri daripada Penipuan Kad Kredit**

ISSN 2180-3684



9 772180 368003



GABUNGAN
PERSATUAN-PERSATUAN
PENGGUNA MALAYSIA



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sidang Redaksi

Penasihat

Datuk Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang

Dato' Paul Selva Raj

Editor

Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang

Siti Rahayu bt Zakaria
Yu Kin Len

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia

No. 1D-1, Bangunan SKPPK
Jalan SS9A/17
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7877 1076
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel : 03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh: Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)

No. 1D-1, Bangunan SKPPK
Jalan SS9A/17
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468
E-mel : info@crcc.org.my
Sesawang: www.crcc.org.my

Dicetak oleh:

قوچمچيكن اساس جاي (مليسيا) سمنديرين بوجد
**Percetakan Asas Jaya
(M) Sdn Bhd**
No. 5B Tingkat 2
Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.



AWAS! Penipuan Kewangan Melibatkan Pelaburan Emas

Bank Negara Malaysia ingin mengingatkan orang ramai agar hanya melabur dengan pihak yang dilesenkan oleh pihak berkuasa. Anda dinasihatkan agar lebih berhati-hati serta meneliti kesan-kesan buruk sebelum menyertai mana-mana skim yang menjanjikan pulangan yang tinggi dalam jangka masa yang singkat. Ramai pelabur yang telah tertipu dan menjadi mangsa akibat keliru dengan tawaran-tawaran lumayan yang dijanjikan oleh penganjur kerana ingin menjadi "Cepat Kaya".

Sejak kebelakangan ini, jenis skim cepat kaya yang kerap dilaporkan ialah Skim Pelaburan Emas. Pada kebiasaannya, pengendali menjalankan skim pelaburan emas dengan menggunakan syarikat perniagaan atau syarikat sendirian berhad (syarikat). Syarikat memberikan jaminan pembelian balik (*buy back guarantee*) atas setiap skim pelaburan emas yang dijalankan. Jaminan pembelian balik tersebut mengakibatkan skim pelaburan emas yang dijalankan mempunyai elemen-elemen pengambilan deposit haram yang melanggar peruntukan dalam Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 (BAFIA).

Modus Operandi yang sering digunakan ialah:

- Pelabur diminta mengisi borang pelaburan dan menandatangani perjanjian dengan pengendali skim;
- Pelabur akan membayar harga produk emas tersebut sama ada dengan cek atau secara tunai;
- Pelabur diberikan pilihan untuk mengambil produk emas tersebut daripada pengendali skim (bersama sijil pelaburan emas) pada bila-bila masa seperti yang ditetapkan oleh pengendali skim atau membenarkan pengendali skim menyimpan produk emas tersebut;
- Pelabur akan menerima pulangan dalam bentuk dividen atau hibah setiap bulan sepanjang tempoh pelaburan mengikut peratusan yang ditetapkan; dan
- Pengendali skim menjamin pembelian balik emas, iaitu pelabur berhak menjual balik produk emas tersebut kepada pengendali skim pada akhir tempoh perjanjian, pada harga belian asal.

Sumber: Bank Negara Malaysia



Pembelian Hartanah Mengikut Kemampuan Anda

Anda tentu mengimpikan sebuah rumah impian yang selesa untuk anda sekeluarga. Untuk mencapai impian tersebut, antara faktor utama yang perlu dilihat ialah kemampuan anda untuk membayar balik pinjaman perumahan yang anda inginkan. Di samping itu, anda perlu mengenal pasti lokasi, harga dan kepelbagaian kemudahan yang berdekatan. Maklumat-maklumat ini boleh diperolehi melalui pencarian atas talian, jualan pameran hartanah, media cetak seperti surat khabar dan majalah ataupun melalui agen penjual hartanah.

Sebelum mula mencari rumah, anda perlu menetapkan dahulu harga rumah yang mampu anda beli. Anda perlu

mengira jumlah pembayaran bulanan yang anda mampu bayar berdasarkan jumlah pendapatan boleh guna, perbelanjaan dan tanggungan hutang yang lain. Jika tidak, anda mungkin menghadapi masalah dalam pembayaran balik pinjaman perumahan anda.

Berdasarkan pinjaman perumahan 30 tahun untuk membiayai 90% daripada harga pembelian dengan kadar faedah pada BLR 6.6% - 2% dan katakan anda tidak mempunyai hutang lain, berikut adalah jadual yang boleh dijadikan panduan apabila anda ingin membuat keputusan untuk membeli hartanah:-

Jadual cadangan pembelian hartanah mengikut kemampuan anda

Jika pendapatan bersih bulanan anda (pendapatan kasar ditolak cukai dan KWSP) ialah:-	Kemampuan anda terhadap pembayaran balik pinjaman bulanan (30% daripada pendapatan bersih bulanan)	Anda boleh membuat pinjaman terhadap :-	Untuk membeli hartanah yang bernilai:
RM 3,000	RM 900	RM 175,560	RM 195,067
RM 5,000	RM 1,500	RM 292,600	RM 325,111
RM 7,000	RM 2,100	RM 409,640	RM 455,156
RM 8,000	RM 2,400	RM 468,160	RM 520,178
RM 10,000	RM 3,000	RM 585,201	RM 650,223
RM 12,000	RM 3,600	RM 702,241	RM 780,268

*Nota: Hartanah untuk jualan dan harga yang diberikan kepada iProperty.com pada 8 hingga 10 April 2012.
Sumber: Personal Money*

Anda perlu peka bahawa pembayaran bulanan anda akan meningkat dengan banyak sungguhpun BLR hanya meningkat sedikit.


Tip untuk memperoleh rumah kediaman anda

a) Dapatkan pra-kelulusan pinjaman bank.

Sekiranya anda memperoleh pinjaman bank untuk membiayai pembelian rumah, dapatkan dahulu pra-kelulusan pinjaman bank. Ia adalah bertujuan untuk mendapat kepastian kelulusan jumlah pinjaman yang boleh diluluskan berdasarkan maklumat kewangan peribadi anda. Anda perlu membaca dan memahami terma-terma utama, caj-caj berkaitan dan tanggungjawab anda sebagai peminjam sebelum menandatangani perjanjian pinjaman.



“Pilihlah pemaju yang mempunyai pengalaman dan berjaya dalam menyiapkan projek perumahan.”



“Anda perlu peka bahawa pembayaran bulanan anda akan meningkat dengan banyak sungguhpun BLR hanya meningkat sedikit.”

b) Jenis dan lokasi rumah.

Sekiranya anda ingin menetap untuk tempoh yang lama di rumah tersebut, anda perlu membuat kajian dan pemerhatian terhadap keadaan di sekeliling kawasan itu. Perhatikan tentang aspek keselamatan seperti kawasan banjir, tanah runtuh, masalah jenayah ataupun projek-projek berhampiran. Kenal pasti kepelbagaian kemudahan yang terdapat di kawasan berhampiran.

c) Periksa dan dapatkan taksiran harga rumah.

Anda boleh mendapatkan maklumat dengan menyelidik harga semasa melalui akhbar ataupun agen-agen hartanah. Maklumat juga boleh diperoleh daripada khidmat syarikat penilaian hartanah ataupun jabatan kerajaan yang berkaitan.

d) Periksa latar belakang pemaju perumahan

Pilihlah pemaju yang mempunyai pengalaman dan berjaya dalam menyiapkan projek perumahan.

e) Beli rumah yang boleh meningkat nilainya.

Pilih dan beli rumah dengan mengutamakan lokasi. Harga rumah akan meningkat sekiranya lokasi rumah anda strategik dan menjadi tumpuan.



Insurans Perjalanan

Skop perlindungan dan skala manfaat yang ditawarkan oleh syarikat insurans adalah berbeza-beza. Oleh itu, anda hendaklah memilih dan memastikan bahawa anda membeli polisi yang sesuai untuk memenuhi keperluan anda.

Insurans perjalanan bertujuan untuk melindungi diri anda dan keluarga anda terhadap kemalangan, kerugian dan gangguan semasa dalam tempoh perjalanan. Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah syarikat insurans yang mungkin menawarkan kombinasi beberapa perlindungan untuk memenuhi keperluan tertentu para pelanggan, termasuk polisi tahunan jangka panjang jika anda sering membuat perjalanan.

Skop Perlindungan

Skop perlindungan dan skala manfaat yang ditawarkan oleh syarikat insurans adalah berbeza-beza. Oleh itu, anda hendaklah memilih dan memastikan bahawa anda membeli polisi yang sesuai untuk memenuhi keperluan anda. Lazimnya, perlindungan yang disediakan adalah untuk :-

- Kemalangan diri
- Belanja perubatan dan yang berkaitan
- Kehilangan deposit perjalanan atau pemendekan penerbangan
- Kehilangan bagasi, barang-barang kepunyaan peribadi dan wang
- Kehilangan passport
- Liabiliti diri
- Kelewatan bagasi
- Kelewatan perjalanan
- Rampasan kenderaan
- Penghantaran pulang jenazah.

Anda boleh mengambil polisi perjalanan untuk diri anda sendiri dan/atau ahli keluarga. Jumlah pampasan yang boleh dibayar berdasarkan bahagian yang ditetapkan

bagi setiap ahli keluarga dan jumlah keseluruhannya tidak boleh melebihi jumlah nilai diinsuranskan. Sekiranya anda melebihi had umur tertentu, anda mungkin tidak dapat membeli insurans perjalanan.

Pengecualian polisi

Kerugian yang disebabkan oleh peristiwa-peristiwa berikut selalunya dikecualikan daripada perlindungan insurans perjalanan:-

- Risiko peperangan
- Bunuh diri dan tidak siuman
- AIDS
- Pembunuhan atau serangan yang dirancang
- Melahirkan anak atau keguguran
- Sukan berbahaya

Selain itu, terdapat juga pengecualian yang melibatkan peristiwa, seperti kelewatan bagasi dan kehilangan bagasi serta barang-barang kepunyaan peribadi yang disebabkan oleh rampasan atau pemusnahan di bawah peraturan-peraturan kuarantin dan kastam.

Anda dinasihatkan supaya sentiasa membaca dengan teliti dan memahami pengecualian yang dikenakan atas polisi insurans anda.

Perkara-perkara penting yang perlu diambil perhatian apabila membeli insurans perjalanan

a) Barang-barang kepunyaan peribadi

Semak dengan syarikat insurans anda tentang barang-barang kepunyaan peribadi yang boleh dilindungi di bawah insurans perjalanan kerana

perlindungan yang diberikan oleh setiap syarikat insurans adalah berbeza.

b) Benefisiari (pewaris)

Anda dinasihatkan supaya melantik benefisiari dan pastikan benefisiari anda itu mengetahui tentang polisi insurans perjalanan yang anda beli.

c) Insurans berganda

Sekiranya anda telah membeli lebih daripada satu polisi perjalanan, dan kemudiannya anda meninggal dunia atau hilang upaya, maka anda atau benefisiari anda mengikut mana yang berkenaan, akan dibayar pampasan di bawah setiap polisi. Walau bagaimanapun, bagi kerugian tertentu, seperti belanja perubatan yang pampasannya adalah berdasarkan pembayaran kembali (*reimbursement*), anda akan dibayar pampasan sekali sahaja bagi kerugian sebenar yang dialami.

d) Rangkaian gabungan asing

Pastikan syarikat insurans anda mempunyai rangkaian gabungan asing yang baik di negara-negara yang anda lawati supaya boleh memberikan bantuan dan perkhidmatan yang sewajarnya apabila diperlukan.

e) Bantuan perubatan dan kecemasan

Anda juga perlu mengetahui sama ada syarikat insurans anda menyediakan perkhidmatan talian kecemasan “*hotline*” 24 jam.

Apa yang anda harus lakukan sekiranya berlaku kerosakan/kerugian

a) Hubungi talian bantuan perubatan dan kecemasan

Jika polisi perjalanan anda memberikan perkhidmatan talian kecemasan “*hotline*”, hubungi talian tersebut untuk mendapatkan bantuan mengenai keperluan perubatan dan perkara-perkara berkaitan perjalanan seperti kehilangan passport dan bagasi.

b) Beritahu pihak berkuasa

Sekiranya barang-barang kepunyaan anda yang diinsuranskan itu hilang atau rosak, anda hendaklah mengambil tindakan yang munasabah untuk meminimumkan kerugian, iaitu dengan cara melindungi, menyelamatkan dan memperolehnya semula. Anda hendaklah memberitahu pihak polis

“Pastikan syarikat insurans anda mempunyai rangkaian gabungan asing yang baik di negara-negara yang anda lawati ...”

tempatan, hotel, syarikat pengangkutan dan pihak berkuasa terminal pengangkutan yang mana berkaitan dengan segera.

c) Beritahu syarikat insurans anda secepat mungkin

Apabila berlaku kerugian, anda hendaklah memberitahu syarikat insurans anda dengan serta-merta atau secepat mungkin.

Membuat tuntutan terhadap syarikat insurans anda

Anda hendaklah mengemukakan borang tuntutan secepat mungkin kepada syarikat insurans anda dengan menyertakan semua dokumen sokongan, seperti polisi asal, laporan perubatan, laporan polis dan apa-apa dokumen yang berkaitan untuk menyokong tuntutan. Rujuk pada tempoh pemberitahuan tuntutan seperti yang ditetapkan dalam polisi anda.

Bagaimana mengemukakan aduan dan saluran penyelesaian yang sedia ada

- Sekiranya anda mempunyai aduan tentang produk atau perkhidmatan syarikat insurans atau anda tidak berpuas hati dengan penolakan atau tawaran penyelesaian tuntutan, anda hendaklah terlebih dahulu menyelesaikan aduan itu dengan unit aduan syarikat insurans berkenaan
- Sekiranya anda masih tidak berpuas hati dengan keputusan yang telah dicapai, anda boleh menulis sama ada kepada Jabatan LINK dan Pejabat Wilayah di Bank Negara Malaysia atau Biro Pengantaraan Kewangan (BPK). Walau bagaimanapun, bidang kuasa BPK adalah terhad. Oleh itu, anda perlu menyemak dengan pegawai di unit aduan syarikat insurans anda tentang saluran yang betul untuk mengendalikan aduan anda.

Sumber: *infoinsurans*

Capai Kejayaan Kewangan Dengan Formula S.E.B.E.L.A.S



S – Simpan untuk diri (dan keluarga) anda dahulu!

Jika dahulu, anda kerap memperuntukkan gaji bulanan untuk membayar bil, hutang, membeli barang dan sebagainya terlebih dahulu, mulai sekarang, berikan keutamaan kepada menyimpan wang untuk diri sendiri dahulu. Tidak kira dalam jumlah yang kecil atau besar, pastikan anda menyimpan dan melaburkan duit untuk diri (dan keluarga) secara konsisten. Anda boleh bermula dengan RM50 sebulan (lebih banyak lebih bagus), kemudian tambahkan jumlah simpanan anda pada tahun-tahun berikutnya.

E – Elak pembaziran (*Economise*)

Bezakan antara barangan keperluan dan kehendak. Sebagai contoh, anda tidak perlu membeli barangan bayi yang berjenama mahal jika jenama yang sederhana atau murah mampu memenuhi keperluan si comel. Tambahan pula, kebanyakan pasar raya besar sekarang menyediakan “house brand” yang berkualiti tinggi pada harga yang amat berpatutan.

B – Bajet

Buat bajet, tulis dan patuhinya! Seseorang ibu bapa gemar membuat bajet secara kasar atau “dalam kepala” sahaja, terutamanya semasa hendak membeli barang. Ini merupakan cara yang tidak berapa tepat. Sebaik-baiknya, tulis apa yang

ingin dibelanjakan dan lebih penting lagi, patuhi bajet yang telah dibuat tersebut. Anda perlu berdisiplin dalam berbelanja dan membuat bajet adalah langkah yang sangat penting. Jika tidak membuat bajet, besar kemungkinan anda akan mengalami kesukaran menguruskan kewangan sendiri dan keluarga.

E – Elak emosi semasa membuat keputusan berkaitan kewangan

Perkara ini tidak dapat dinafikan, terutamanya apabila anda mempunyai wang lebihan (contohnya, mendapat bonus). Bermacam-macam perkara yang akan terlintas dalam fikiran anda, seperti menukar kereta baru, perabot baru, bercuti dan sebagainya. Sekiranya anda mendapat wang lebih, pastikan anda menyimpan sebahagian daripadanya dan selebihnya digunakan untuk melangsaikan hutang sedia ada. Inilah masa terbaik untuk anda melangsaikan segala hutang kad kredit anda sekali gus. Jangan berlengah lagi dan bayar segala hutang-piutang yang ada. Percaya atau tidak, hidup anda akan menjadi tenang jika anda sudah melangsaikan hutang.

L – Libatkan si kecil

Sering kali, ibu bapa tersalah anggap bahawa anak kecil tidak mampu memahami konsep kewangan. Tanggapan ini tidak tepat kerana sedar

“Kejayaan dalam pengurusan kewangan bergantung kepada usaha anda! Jika anda memerlukan sedikit inspirasi, lihatlah pasangan yang tersayang, dan jika masih belum mendapat ilham, lihatlah muka si comel anda. ”



atau tidak, biasanya si kecil memang suka meniru cara dan kelakuan ibu bapa mereka. Oleh itu, libatkanlah anak-anak dalam hal-hal kewangan anda. Salah satu cara mudah yang boleh dilakukan ialah dengan membawa anak-anak ketika menjalankan transaksi kewangan. Contohnya, bawa anak-anak bersama apabila anda pergi ke bank. Dengan cara ini, anda dapat membentuk tabiat menabung dan menyimpan daripada usia muda lagi.

A – Awasi skim pelaburan tidak sah

Mungkin anda sudah tahu yang melabur adalah cara terbaik untuk mengembangkan wang sedia ada. Melaburlah dengan pihak-pihak yang berlesen dan berwaspada dengan pelbagai skim cepat kaya atau skim pelaburan tidak sah yang terdapat di pasaran. Sekiranya sesuatu syarikat menawarkan untung berlipat kali ganda dan mendakwa tiada risiko yang terlibat jika anda melabur dengan mereka, mungkin itu adalah syarikat yang tidak sah. Pastikan anda memeriksa sama ada sesebuah syarikat itu berlesen ataupun tidak dengan menghubungi pihak berkuasa yang berkenaan. Ingat, dapatkan sebanyak mungkin maklumat sebelum menyerahkan wang titik peluh anda kepada mana-mana pihak.

S - Sediakan dana kecemasan

Dana kecemasan merujuk kepada sejumlah wang

yang anda peruntukkan untuk digunakan sekiranya berlaku apa-apa musibah/kemalangan yang tidak diingini. Biasanya, anda dinasihatkan untuk mempunyai dana kecemasan sebanyak tiga hingga enam bulan perbelanjaan bulanan anda. Dengan wujudnya dana kecemasan, anda akan berupaya mengharungi segala masalah berkaitan kewangan dengan tenang dan terkawal. Dana kecemasan yang mencukupi juga akan memastikan cara hidup anda tidak terganggu sewaktu menghadapi masalah kewangan.

Kesimpulan

Kejayaan dalam pengurusan kewangan bergantung kepada usaha anda! Jika anda memerlukan sedikit inspirasi, lihatlah pasangan yang tersayang, dan jika masih belum mendapat ilham, lihatlah muka si comel anda. Lakukanlah yang terbaik untuk diri, pasangan dan keluarga demi mencapai kejayaan dalam pengurusan kewangan anda.

Artikel perancangan kewangan dan pelaburan ini merupakan salah satu usaha berterusan SIDC dalam melahirkan pelabur yang arif dan berpengetahuan dalam pasaran modal. Selain itu, SIDC turut meningkatkan tahap kesedaran mengenai pelaburan bijak dan pengurusan kewangan melalui seminar dan bengkel pendidikan pelabur yang disasarkan untuk pelbagai lapisan masyarakat, seperti pelajar sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi, ibu bapa, wanita dan pekerja kolar putih dan biru. Untuk maklumat lanjut, layari www.min.com.my, hubungi 03-62048889 atau lawati Facebook kami di www.facebook.com/BMWSIDC.



Kekeliruan Mengenai Perlindungan Insurans Perubatan

Ramai yang tidak mengetahui apa yang sebenarnya dilindungi di bawah Insurans Hospital dan Pembedahan.

Polisi Insurans Hospital & Pembedahan (HSI) melindungi anda bagi perbelanjaan yang ditanggung semasa anda dimasukkan ke hospital disebabkan penyakit yang dilindungi atau disebabkan kemalangan. Antara perlindungan yang biasa ialah perbelanjaan penginapan dan rawatan di hospital, perbelanjaan pembedahan (bayaran pakar bedah dan kos yang berkaitan dengan pembedahan), perbelanjaan pakar perubatan dan ujian pesakit dalam wad. Terdapat juga polisi HSI yang menyertakan perlindungan luar negara, manfaat kematian akibat kemalangan dan ujian atau perundingan pesakit luar.

Pada umumnya, anda akan dilindungi sebagai pesakit hanya sekiranya anda dimasukkan ke wad. Walau bagaimanapun, polisi HSI juga melindungi anda bagi rawatan kecemasan pesakit luar akibat kemalangan. Selain itu, polisi HSI juga mempunyai manfaat “Pembedahan Harian” yang melindungi prosedur pembedahan yang tidak memerlukan anda bermalam di hospital, contohnya pembedahan katarak mata. Dengan manfaat ini, anda tidak perlu bermalam di hospital untuk layak menerima perlindungan dan ini merupakan penjimatan kos perubatan kepada anda.

Polisi HSI biasanya tidak melindungi sebarang caj kemasukan ke hospital atau rawatan yang berkaitan dengan kehamilan, kejanggalan kongenital, pembedahan kosmetik, rawatan pergigian yang tidak berkaitan dengan kemalangan, penyakit yang dijangkiti melalui hubungan kelamin, pemeriksaan kesihatan rutin dan penyakit berkaitan psikiatri.

Satu pengecualian yang biasa terdapat di bawah polisi HSI ialah keadaan atau penyakit sedia ada, yang wujud sebelum tarikh berkuat kuasa polisi HSI, yang anda sedang menerima rawatan atau menunjukkan gejalanya. Sebagai contoh, sekiranya anda pernah berjumpa doktor perubatan untuk sebarang rasa sakit atau rasa tidak selesa yang berkaitan dengan keadaan itu, ia akan dianggap sebagai gejala sesuatu penyakit tertentu. Oleh itu, penyakit tersebut akan dikecualikan daripada perlindungan polisi anda.

Terdapat juga beberapa penyakit tertentu yang tidak akan dilindungi, jika penyakit itu telah dirawat atau berlaku dalam tempoh tangguh 120 hari pertama dari bermulanya polisi anda, tanpa mengira sama ada anda mengetahuinya atau tidak.

Sebagai contoh, anda mungkin baru mengetahui bahawa anda mempunyai sista di dalam abdomen anda



“Pada umumnya, anda akan dilindungi sebagai pesakit hanya sekiranya anda dimasukkan ke wad.”

dua bulan selepas anda membeli polisi HSI dan dinasihatkan supaya membuangnya. Anda tidak akan dilindungi untuk prosedur ini kerana ia adalah salah satu daripada penyakit tertentu itu dan ia masih dalam tempoh 120 hari.

Oleh itu, anda perlu menyemak senarai penyakit tertentu ini bagi mengelakkan sebarang pertikaian atau salah faham pada masa akan datang.

Sila ambil perhatian bahawa anda tidak layak membuat sebarang tuntutan yang timbul daripada sebarang keadaan perubatan atau fizikal dalam tempoh 30 hari pertama perlindungan, kecuali kecederaan akibat kemalangan, tanpa mengira sama ada anda mengetahui atau tidak tentang keadaan itu.

Walau bagaimanapun, ini tidak pula bermakna anda dilindungi secara automatik selepas 30 hari pertama itu kerana anda masih lagi tertakluk kepada tempoh tangguh 120 hari bagi penyakit tertentu dan pengecualian keadaan / penyakit sedia ada.

Adalah amat penting untuk anda mendedahkan semua maklumat perubatan anda dengan betul semasa permohonan polisi. Syarikat insurans berhak menolak tuntutan perubatan jika mereka mempunyai bukti bahawa orang yang diinsuranskan tidak mendedahkan sebarang maklumat penting pada masa membeli polisi.

Kebanyakan polisi HSI sekarang ini melanjutkan perlindungannya hingga umur 80 tahun dan sesetengahnya hingga umur 100 tahun. Walau bagaimanapun, sentiasa terdapat umur penyertaan terakhir dan pastikan anda menyertai plan itu sebelum umur yang ditetapkan itu dan jangan sesekali membiarkannya luput. Jika tidak, anda tidak akan mempunyai perlindungan pada saat anda paling memerlukannya.

Selain itu, walaupun polisi HSI biasanya melindungi rawatan luar negara, manfaatnya akan terhad kepada caj munasabah, biasa diamalkan dan perlu dari segi perubatan bagi rawatan yang sama di Malaysia, dan tidak termasuk kos pengangkutan ke tempat rawatan.

Sebagai contoh, katakan kos pembedahan apendisitis yang biasa di dalam negara ialah sebanyak RM2,000, tetapi anda perlu menjalani pembedahan di Singapura yang menelan belanja S\$3,000. Jadi, anda akan dibayar kembali sebanyak RM2,000.

Di samping itu, jika anda tinggal atau mengembara ke luar Malaysia selama lebih daripada 90 hari berturut-turut, manfaat tidak akan dibayar bagi rawatan perubatan di luar Malaysia. Oleh itu, jika anda tidak merancang untuk pulang ke Malaysia selama lebih daripada 90 hari berturut-turut, anda mungkin perlu mendapatkan plan HSI yang lain di negara yang anda tinggal.

Tetapi sebaik sahaja anda kembali ke Malaysia, perlindungan HSI akan bermula semula sehinggalah anda keluar dari Malaysia sekali lagi selama lebih daripada 90 hari berturut-turut.

Artikel berikut disediakan sebagai nasihat semata-mata. Untuk butir-butir khusus, sila dapatkan nasihat daripada profesional insurans dengan menghubungi mana-mana syarikat insurans hayat yang disenaraikan dalam laman sesawang rasmi Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) di www.liam.org.my.

Sumber : Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM)

Cara Melindungi Diri Daripada Penipuan Kad Kredit



Antara penipuan kad kredit yang paling biasa adalah urus niaga tidak sah dan kecurian identiti. Pengeluar kad kredit sentiasa berwaspada terhadap urus niaga palsu dan penipuan. Anda juga perlu mengambil langkah yang sewajarnya untuk mengurangkan risiko menjadi mangsa penipuan kad kredit ini.

Panduan Melindungi Kad Kredit Anda

- Tandatangan kad kredit anda sebaik sahaja menerimanya.
- Jangan biarkan orang lain menggunakan kad kredit anda.
- Jangan dedahkan butiran kad kredit anda kepada pihak yang tidak dikenali kerana mereka boleh menggunakannya untuk membuat pembelian melalui telefon, pesanan pos atau internet.
- Pastikan anda memotong kad kredit yang sudah tamat tempohnya setelah menerima kad gantian untuk mencegah pengklonan atau penyalahgunaan kad.
- Periksa semua butiran pada slip bayaran sebelum menandatangani atau mengesahkan setiap urus niaga.
- Simpan semua slip bayaran dan semak penyata sebaik sahaja anda menerimanya.
- Simpan kad kredit di tempat yang sama di dalam dompet atau tas tangan agar anda akan sedar serta-merta jika kad kredit hilang atau dicuri.
- Laporkan segera kepada pihak pengeluar kad kredit sekiranya kad kredit anda hilang, dicuri atau terdapat urus niaga yang tidak sah. Jika anda tidak melaporkannya, anda bertanggungjawab ke atas semua urus niaga tersebut sehingga laporan dibuat.

Sumber : Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Bank Negara Malaysia

Talian Tol : 1-300-88-5465
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my
Laman web : www.bnm.gov.my

Persatuan Bank-Bank Malaysia (ABM Connect)

Talian Tol : 1-300-88-9980
E-mel : banks@abm.org.my
Laman web : www.abm.org.my

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Talian Tol : 1-800-88-2575
E-mel : enquiry@akpk.org.my
Laman web : www.akpk.org.my

Biro Pengantaraan Kewangan (BPK)

Talian am : 03-2272 2811
E-mel : enquiry@fmb.org.my
Laman web : www.fmb.org.my



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

ANDA MUNGKIN KEHILANGAN WANG ANDA!

Bank Negara Malaysia ingin mengingatkan orang ramai bahawa terdapat skim pengambilan deposit dan pelaburan haram yang kononnya menjanjikan pulangan yang lumayan buat pelabur.

Skim tersebut mengajak anda melabur dalam logam berharga seperti emas, perak atau pelaburan berkaitan dengan ternakan, tanah, komoditi dan pertukaran asing

Anda ditawarkan pulangan yang lumayan dalam tempoh masa yang pendek

Sesetengah daripada penganjur skim terus mengumpan pelabur dengan janji belian balik

Skim-skim tersebut dikatakan sebagai sah dan tidak mempunyai sebarang risiko

BERWASPADALAH! //////////////

Skim-skim tersebut mungkin merupakan satu lagi 'skim cepat kaya' atau dipanggil 'skim Ponzi'.

Wang yang anda laburkan mungkin digunakan untuk membayar 'pulangan lumayan' kepada pelabur lain.

Skim-skim sebegini adalah haram dan merupakan suatu penipuan. Anda mungkin kehilangan wang anda.

**Sekiranya
anda ragu-ragu,
sila hubungi kami.**



BNMTELELINK (Pusat Perhubungan Khidmat Pelanggan)

1-300-88-5465

Faksimile: 03-2174 1515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

Untuk menghantar pertanyaan atau aduan melalui SMS, taip

BNM TANYA
[your enquiry/
complaint]

dan hantar kepada
15888

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Peringatan kepada Semua Pengguna Kewangan yang terdapat di laman sesawang Bank Negara Malaysia



www.bnm.gov.my

BNMLINK (Pusat Perkhidmatan Pelanggan)

Bank Negara Malaysia Kuala Lumpur (Blok D, Jalan Dato' Onn, 50480) atau kunjungi mana-mana cawangan BNMLINK di Bank Negara Malaysia: Johor Bahru, Pulau Pinang, Kuala Terengganu, Kota Kinabalu dan Kuching (Waktu urusan: Isnin - Jumaat, 9:00 pagi - 5:00 petang)